

NO. SOALAN: 41

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN GOBIND SINGH DEO [PUCHONG]

TARIKH : 16 MEI 2016

RUJUKAN : 8952

SOALAN:

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah-langkah yang telah diambil berkenaan Laporan Polis No: Sungai Buloh/001622/16 pada 19 Februari 2016, Laporan Polis No: Ayer Lanas/000292/16 pada 19 Februari 2016, Laporan Polis No: Ayer Lanas/00294/16 pada 19 Februari 2016 dan kenapa tiada tindakan yang diambil sehingga kini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Laporan-laporan berkenaan adalah berkait satu kejadian penculikan yang berlaku di No 1727, Blok Kota Bharu, Ayer Lanas, Kelantan pada 19 Februari 2016, jam 2.20 petang yang melibatkan seorang lelaki India. Pihak polis telah mengklasifikasikan kes berkenaan sebagai kes culik dan menjalankan siasatan di bawah seksyen 363 Kanun Keseksaan. Siasatan masih lagi dijalankan untuk mengesan mangsa yang terlibat dan motif penculikan tersebut. Sehingga kini pihak polis masih belum dimaklumkan sebarang maklumat berkenaan tuntutan wang tebusan atau maklumat-maklumat lain dari mana-mana pihak.